

MUZAKARAH PENASIHAT SYARIAH KEWANGAN ISLAM 2026 Kali Ke-19

الندوة للمستشارين الشرعيين للمالية الإسلامية

“Memacu Impak, Inovasi dan Pertumbuhan Mampan dalam Kewangan Islam”

22 OKTOBER 2026
Royale Chulan Kuala Lumpur



RAKAN PERAK



PENGANJUR



A COMMUNITY MEMBER OF



DAFTAR SEKARANG www.kliff.com.my





SELAMAT DATANG

Muzakarah Penasihat Syariah Institusi Kewangan Islam Kali Ke-19


Berlandaskan tema “Memacu Impak, Inovasi dan Pertumbuhan Mampan dalam Kewangan Islam”, muzakarah tahunan ini kembali sebagai platform utama bagi para penasihat Syariah, pemikir industri, penggubal dasar dan pengamal kewangan Islam untuk memperkukuh kerangka pemikiran Syariah dalam landskap kewangan kontemporari.

Diadakan pada 22 Oktober 2026, bersempena dengan Forum Kewangan Islam Kuala

Lumpur Ke-21 (KLIF 2026), muzakarah ini menandakan kesinambungan peranan penting Syariah dalam mendepani cabaran dan peluang ekonomi global yang kian mencabar.

Sebagai medan perkongsian ilmu, perbincangan strategik dan pemantapan fatwa dalam kewangan Islam, Muzakarah ini turut menjadi wadah menyemarakkan semangat kolektif dalam membina ekosistem kewangan Islam yang lebih mampan, inklusif dan berdaya tahan untuk masa hadapan.





PENCERAMAH & MODERATOR KEHORMAT

Sertai tokoh ulama dan pakar Syariah yang akan membincangkan isu-isu utama serta hala tuju industri kewangan Islam global.



Y.B Senator Dr. Zulkifli Hasan
Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Malaysia



Sheikh Dr. Nizam Yaquby
Penasihat Syariah, Bahrain



Prof. Datuk Dr. Asyraf Hashim
Pengerusi Majlis Penasihat Syariah, Bank Negara Malaysia & Suruhanjaya Sekuriti Malaysia



Sahibus Samahah Ust Ahmad Fawaz Fadzil
Mufti Wilayah Persekutuan



Prof. Dato' Dr. Aznan Hasan
Ahli Pihak Berkuasa Syariah Tinggi, Bank Pusat Emiriah Arab Bersatu



Prof. Dr. Engku Rabiah Adawiah
Timbalan Pengerusi, Majlis Penasihat Syariah, Bank Negara Malaysia & Suruhanjaya Sekuriti Malaysia



Datuk Prof Dr. Mohd Akram Laldin
Presiden, Association of Shariah Advisors in Islamic Finance Malaysia (ASAS)



Dr. Salim Al-Ali
Penasihat Syariah Emiriah Arab Bersatu



Prof. Emeritus Dato' Dr. Ahmad Hidayat Buang
Pengerusi Jawatankuasa Syariah Amanahraya



Ustaz Burhanuddin Lokman
Ahli Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia & Suruhanjaya Sekuriti Malaysia



Ahmad Suhaimi Yahya
Ketua Serantau, Penasihat Shariah dan Tadbir Urus, CIMB Islamic Bank



Dr. Syed Adam Alhabshi
Ketua Kewangan Islam, Raja, Darryl & Loh



Dr. Tuan Badrul Hisyam Tuan Soh
Pengerusi Jawatankuasa Syariah Alliance Islamic Bank Berhad



Dr. Marjan Muhammad
Timbalan Presiden Kajian, ISRA Research Management Centre



Prof Madya Dr. Mohamed Fairouz Abdul Khir
Pengerusi Jawatankuasa Syariah, CIMB Islamic



Prof. Datin Dr. Rusni Hassan
Ahli Majlis Penasihat Syariah, Syarikat Takaful Malaysia



Ustaz Munawwaruzaman Mahmud
Ketua Jabatan Pengurusan Syariah, Maybank Islamic



Madzlan Hussain
Rakan Kongsi Kanan, Messrs Azlina Madzlan Sazira Shahirah (AMASS)

Agenda | 22 Oktober 2026

0800 Pendaftaran

0930 **MAJLIS PERASMIAN MUZAKARAH KLIFF 2026**

MEMACU IMPAK, INOVASI DAN PERTUMBUHAN MAMPAN DALAM KEWANGAN ISLAM



Y.B Senator Dr. Zulkilfi Hasan
Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Malaysia

1030 Minum Pagi

1045 **SESI 1**

PERKEMBANGAN FATWA TERKINI DALAM KEWANGAN ISLAM: HARMONISASI, INOVASI DAN CABARAN BAHARU

Sesi ini meneliti perkembangan fatwa kewangan Islam dalam konteks harmonisasi global, inovasi kewangan dan cabaran baharu, termasuk isu tadbir urus Syariah serta keseimbangan antara kepatuhan Syariah dan keperluan pasaran.

MODERATOR



Prof. Dr. Engku Rabiah Adawiah Engku Ali
Timbalan Pengerusi, Majlis Penasihat Syariah, Bank Negara Malaysia & Suruhanjaya Sekuriti

PANELIS



Sheikh Dr. Nizam Yaquby
Penasihat Syariah, Bahrain



Prof. Datuk Dr. Asyraf Hashim
Pengerusi Majlis Penasihat Syariah, Bank Negara Malaysia & Suruhanjaya Sekuriti Malaysia



Dr. Salim Al-Ali
Penasihat Syariah, Emiriah Arab Bersatu

1145 **SESI 2**

SUKUK WAKALAH BIL-KHADAMAT: STRUKTUR, APLIKASI DAN KEPATUHAN SYARIAH

Sesi ini membincangkan struktur dan aplikasi Sukuk Wakalah bil-Khadamat dalam pasaran kewangan Islam moden serta parameter Syariah yang mengawal pelaksanaannya. Perbincangan turut menyentuh isu aset asas, peranan ejen perkhidmatan, pengurusan risiko dan implikasi Syariah dalam penstrukturan Sukuk.

- Struktur dan mekanisme Sukuk Wakalah bi al-Khadamat.
- Parameter Syariah bagi aset asas dan transaksi berkaitan.
- Peranan dan tanggungjawab ejen perkhidmatan.
- Isu pengurusan risiko dan mekanisme lindung nilai.
- Implikasi Syariah dalam penstrukturan dan pelaksanaan Sukuk.

MODERATOR



Sahibus Samahah Ust Ahmad Fawaz Fadzil
Mufti Wilayah Persekutuan

PANELIS



Datuk Prof. Dr. Mohd Akram Laldin
Presiden, Association of Shariah Advisors in Islamic Finance Malaysia (ASAS)



Ahmad Suhaimi Yahya
Ketua Serantau, Penasihat Shariah dan Tadbir Urus, CIMB Islamic Bank

PENGULAS



Prof. Dato' Dr. Aznan Hasan
Ahli Pihak Berkuasa Syariah Tinggi, Bank Pusat Emiriah Arab Bersatu



Prof. Dr. Engku Rabiah Adawiah Engku Ali
Timbalan Pengerusi, Majlis Penasihat Syariah, Bank Negara Malaysia & Suruhanjaya Sekuriti

1300 Makan Tengahari

Agenda | 22 Oktober 2026

1400 **PEMBENTANGAN KHAS**

PENILAIAN MODEL TAKAFUL KE ARAH PERTUMBUHAN MAMPAN DAN DAYA SAING

Sesi ini menilai model-model takaful dalam menyokong pertumbuhan mampan dan daya saing industri, dengan memberi tumpuan kepada inovasi, kecekapan, tadbir urus dan adaptasi terhadap perubahan landskap kewangan.

1430 **SESI 3**

SYARAT-SYARAT DALAM KONTRAK: ANTARA KEPERLUAN SEMASA DAN KEPATUHAN SYARIAH

Sesi ini membincangkan kedudukan syarat-syarat dalam kontrak menurut perspektif Syariah serta peranannya dalam memenuhi keperluan transaksi moden. Perbincangan turut menyentuh parameter syarat yang sah dan tidak sah, implikasi hukum terhadap kontrak, serta cabaran pelaksanaannya dalam produk dan struktur kewangan Islam semasa.

- Konsep dan kedudukan syarat dalam kontrak menurut perspektif Syariah.
- Parameter syarat yang sah serta kesannya terhadap kesahan dan implikasi hukum kontrak.
- Keperluan syarat dalam transaksi dan produk kewangan Islam moden.
- Peranan uruf, masalah dan ma'alat dalam penentuan hukum syarat kontrak.
- Cabaran dan aplikasi semasa syarat kontrak dalam kewangan Islam berstruktur.

MODERATOR



PANELIS



Ustaz Munawwaruzzaman Mahmud
Ketua Jabatan Pengurusan Syariah, Maybank Islamic



Dr. Tuan Badrul Hisyam bin Tuan Soh
Pengerusi Jawatankuasa Syariah Alliance Islamic Bank Berhad

PENGULAS



Dr. Marjan Muhammad
Timbalan Presiden Kajian, ISRA Research Management Centre



Ustaz Burhanuddin Lokman
Ahli Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia & Suruhanjaya Sekuriti Malaysia

1600 **SESI 4**

UNDANG-UNDANG DALAM TRANSAKSI KEWANGAN ISLAM ANTARABANGSA: PRINSIP, ISU DAN CABARAN

Sesi ini menerangkan aspek perundangan dalam transaksi rentas sempadan, termasuk hubungan antara undang-undang sivil dan Syariah, isu bidang kuasa, penguatkuasaan kontrak, peranan piawaian antarabangsa, serta kaedah penyelesaian pertikaian seperti timbang tara.

- Prinsip asas undang-undang terpakai dalam transaksi rentas sempadan
- Interaksi antara undang-undang sivil dan prinsip Syariah
- Isu pemilihan undang-undang (choice of law) dan bidang kuasa
- Cabaran penguatkuasaan kontrak dan penyelesaian pertikaian
- Peranan piawaian antarabangsa (AAOIFI, IFSB, IDB, Bank Pusat dll.) dalam tafsiran kontrak
- Alternatif seperti timbang tara (arbitration) dalam penyelesaian kes

MODERATOR



Prof. Emeritus Dato' Dr. Ahmad Hidayat Buang
Pengerusi Jawatankuasa Syariah Amanahraya

PANELIS



Madzlan Hussain
Rakan Kongsi Kanan, Messrs Azlina Madzlan Sazira Shahirah (AMASS)



Dr. Syed Adam Alhabshi
Ketua Kewangan Islam, Raja, Darryl & Loh

PENGULAS



Prof. Datin Dr. Rusni Hassan
Ahli Majlis Penasihat Syariah, Syarikat Takaful Malaysia




Prof. Madya Dr. Mohamed Fairouz Abdul Khir
Pengerusi Jawatankuasa Syariah, CIMB Islamic

1730 **UCAPAN PENANGGUHAN**

TAMAT KLIF 2026 MUZAKARAH

21st KUALA LUMPUR ISLAMIC FINANCE FORUM 2026

20, 21 & 22 Oktober 2026 | Royale Chulan Kuala Lumpur, Malaysia

Didaftarkan bersama HRDCorp			REGISTER ONLINE
	☐ Ya ☐ Tidak		Imbas Kod QR atau layari WWW.KLIFF.COM.MY
Series No : 10001746883			



YA, SAYA INGIN MENDAFTAR UNTUK

Yuran tidak termasuk SST

ACARA	TARIKH	YURAN (SEORANG)
☐ 21 st Kuala Lumpur Islamic Finance Forum 2026 (KLIFF 2026)	20 & 21 Oktober 2026	RM1,200
☐ Muzakarah Penasihat Syariah Kewangan Islam kali ke-19	22 Oktober 2026	RM600

PAKEJ BERKUMPULAN UNTUK ACARA 3 HARI	TARIKH	YURAN
☐ Untuk 3 peserta	20 - 22 Oktober 2026	RM4,500
☐ Untuk 5 peserta	20 - 22 Oktober 2026	RM6,500

SILA DAFTARKAN NAMA-NAMA BERIKUT UNTUK ACARA INI

Nama	Jawatan	No. Telefon	Emel
1.			
2.			
3.			

BUTIRAN INVOIS (Sila nyatakan kepada siapa invois perlu dikeluarkan. Maklumat pegawai pentadbiran juga amat membantu untuk urusan selanjutnya.)

Pegawai untuk urusan invois:

Jawatan:	Emel:
No. Telefon:	Faks:
Syarikat:	Alamat:

CARA MENDAFTAR

CERT Events Sdn. Bhd. (665109-H)
13A & 15A Jalan SG 3/17, Taman Sri
Gombak, 68100 Batu Caves,
Selangor, Malaysia.

Attn : Wan Marzatul (Secretariat)

No. Telefon : +603 6177 5588

Emel : register@cert.com.my

TERMA PEMBAYARAN

- Yuran forum hendaklah dijelaskan sepenuhnya sebelum acara bermula.
- Invois akan dikeluarkan setelah borang pendaftaran dihantar.
- Semua cek hendaklah dipalang dan ditulis atas nama "CERT Events Sdn. Bhd."

Resit rasmi akan dikeluarkan selepas pembayaran disahkan. Sekiranya anda tidak menerima surat pengesahan beserta maklumat forum sekurang-kurangnya dua (2) minggu sebelum acara, sila hubungi Penyelaras Acara di CERT Events Sdn. Bhd.



Kami juga menerima kaedah pembayaran berikut melalui laman web rasmi KLIFF.

DASAR PEMBATALAN & KETIDAKHADIRAN

Sekiranya anda tidak dapat hadir, anda boleh menamakan pengganti peserta tanpa sebarang caj tambahan. Pembatalan secara bertulis yang dibuat sekurang-kurangnya dua (2) minggu sebelum forum akan menerima pemulangan semula sebanyak 30%, dan bahan forum akan diberikan sepenuhnya. Bagi pembatalan yang dibuat dalam tempoh dua (2) minggu sebelum forum, pemulangan sebanyak 10% mungkin diberikan bersama bahan forum. Sekiranya peserta gagal hadir tanpa sebarang notis bertulis, bayaran penuh masih dikenakan dan tiada pemulangan akan dibuat. CERT Events Sdn. Bhd. berhak untuk mengubah atau membatalkan program sekiranya berlaku keadaan luar jangka atau keterlaluan. Walaupun segala usaha akan dibuat untuk memaklumkan peserta dalam masa yang sewajarnya, pihak penganjur tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kos yang tidak boleh dikembalikan, seperti tambang penerbangan atau tempahan hotel.

ALAMAT PENGHANTARAN TIDAK TEPAT

Sekiranya anda menerima brosur ini lebih daripada sekali, atau maklumat syarikat anda tidak tepat, kami memohon maaf atas kesulitan tersebut. Sila maklumkan kepada kami agar pangkalan data kami dapat dikemas kini dengan segera.

PENGAKUAN : Dengan menghantar borang ini, saya mengesahkan bahawa saya telah membaca, memahami dan bersetuju dengan Terma Pembayaran dan Pembatalan seperti yang dinyatakan dalam borang ini. Saya mengakui bahawa saya bertanggungjawab sepenuhnya terhadap bayaran yuran latihan, dan memahami bahawa ketidakhadiran tanpa pembatalan secara bertulis tidak membatalkan kewajipan pembayaran. Polisi ini penting bagi memastikan kualiti dan kesinambungan perkhidmatan latihan yang ditawarkan.

☐ Saya telah membaca dan bersetuju dengan Terma Pembayaran, Pembatalan & Acara.

Tarikh:.....